

## NOTIS

### Semakan Semula Terma dan Syarat bagi Akses Plaza Premium Lounge

Pelanggan yang Dihargai,

Harap maklum bahawa Klausa 2 dalam Terma dan Syarat Akses Plaza Premium Lounge telah disemak semula bagi memberikan penerangan yang jelas kepada Pemegang Kad Kredit kami. Klausa yang telah dikemas kini dan tarikh berkuat kuasa adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

Klausa yang Dikemas Kini			Tarikh Berkuat Kuasa
<b>Ahli Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB)<sup>1</sup> dengan Aset Bawah Pengurusan (ABP) di bawah RM200,000</b>	<b>Ahli Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB)<sup>2</sup> dengan Aset Bawah Pengurusan (ABP) RM200,000 dan di bawah RM500,000</b>	<b>Ahli Perbankan Prioriti AmBank SIGNATURE (AmSPB)<sup>2</sup> dengan Aset Bawah Pengurusan (ABP) RM500,000 ke atas</b>	10 Mei 2024
<b>Pemegang Kad Utama sahaja</b>	<b>Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan</b>	<b>Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan</b>	
<b>6X akses untuk setiap tahun kalendar dengan perbelanjaan minimum* sebanyak RM1,000 dalam tempoh 30 hari kalendar sebelum setiap akses ke ruang istirahat dan/atau 30 hari kalendar selepas untuk setiap akses ke ruang istirahat.</b>	<b>8X akses untuk setiap tahun kalendar.</b>	<b>Akses yang tidak terhad.</b>	
<sup>1</sup> Ahli AmSPB yang merupakan Pemegang Kad Utama atau Kad Tambahan.			
<sup>2</sup> Untuk menikmati akses tanpa bayaran, Pemegang Kad Utama dan/atau Kad Tambahan <b>MESTI</b> memastikan <b>ABP Utama</b> setiap individu adalah mematuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di atas.			

**Ilustrasi:**

Jika Pemegang Kad AmBank Visa Signature/-i memasuki ruang istirahat pada 8 dan 15 November 2023 (akses melebihi sekali dalam sebulan), dan jika dia memenuhi salah satu daripada syarat yang dinyatakan, Pemegang Kad tersebut tidak akan dikenakan yuran untuk aksesnya pada 8 dan 15 November 2023:

- a. Berbelanja minimum Satu Ribu Ringgit (RM1,000) dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum** 8 November 2023 dan berbelanja sejumlah RM2,000 minimum dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum** 15 November 2023 (akses tanpa bayaran ke ruang istirahat untuk kedua-dua tarikh) ATAU
- b. Berbelanja minimum Satu Ribu Ringgit (RM1,000) dalam tempoh **30 hari kalendar selepas** 8 November 2023 dan berbelanja sejumlah RM2,000 minimum dalam tempoh **30 hari kalendar selepas** 15 November 2023 (akses tanpa bayaran ke ruang istirahat untuk kedua-dua tarikh) ATAU
- c. Berbelanja secara kumulatif minimum sebanyak Satu Ribu Ringgit (RM1,000) dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum dan 30 hari kalendar selepas** 8 November 2023 (contohnya: RM200 dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum** 8 November 2023 dan RM800 dalam tempoh **30 hari kalendar selepas** 8 November 2023) dan berbelanja sejumlah kumulatif sebanyak RM2,000 minimum dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum dan 30 hari kalendar selepas** 15 November 2023 (contohnya: RM400 dalam tempoh **30 hari kalendar sebelum** 15 November 2023 dan RM1,600 dalam tempoh **30 hari kalendar selepas** 15 November 2023).

Nota: Setiap akses tanpa bayaran ke ruang istirahat akan memerlukan perbelanjaan minimum Satu Ribu Ringgit (RM1,000) . Jika terdapat akses melebihi sekali sebulan, jumlah minimum perbelanjaan adalah mengikut jumlah akses dalam bulan tersebut (contohnya: perbelanjaan minimum RM3,000 diperlukan bagi 3 kali akses dalam bulan yang sama).

Sila ambil perhatian bahawa semakan semula ini akan menggantikan Terma dan Syarat bagi Akses Plaza Premium Lounge yang bertarikh 1 Oktober 2023

Sila klik [di sini](#) untuk melihat Terma dan Syarat yang telah dikemaskinikan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Panggilan AmBank kami melalui +603 - 2178 8888, beroperasi setiap hari dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam atau e-mel kepada [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).

Terima kasih kerana berurusan dengan kami.